

16 SEP 1997

## INDUSTRI MINYAK SAWIT PUNYAI BANYAK BIDANG BARU BAGI DIUSAHAKAN

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Terdapat banyak bidang baru yang belum diusahakan sepenuhnya oleh industri minyak sawit tempatan memandangkan minyak sawit Malaysia dan produk-produknya adalah saingan semulajadi bagi banyak negara membangun daripada segi daya persaingan kos, pemakanan, nilai-nilai mudah dihadam dan keupayaan menurunkan paras kolestrol darah.

Ini dinyatakan hari ini oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

Berucap pada perasmian Program Suai kenal Minyak Sawit ke-17 di sini, beliau berkata industri minyak sawit tempatan hendaklah belajar lebih banyak mengenai syarat-syarat dan keperluan-keperluan khusus para pelanggan asing.

Katanya ia mestilah responsif kepada keperluan itu dan terus dinamik, berjaya dan menguntungkan.

Beliau memberitahu pemberita kemudian bahawa program suai kenal seumpamanya adalah juga penting bagi industri minyak sawit tempatan memandangkan dengan mendidik bakal pengguna ia boleh mengatasi secara tidak langsung kempen-kempen negatif dan halangan tarif ke atas minyak sawit Malaysia.

Hishamuddin yang mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Mongolia dan Kyrgyzstan baru-baru ini berkata, sebagai susulan kepada lawatan Dr Mahathir ke Mongolia, seorang rakyat Mongolia sedang menyertai dalam program suai kenal itu.

Tambahnya susulan itu adalah juga satu pengiktirafan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan perhubungan di kalangan negara-negara Selatan-Selatan dan negara-negara sedang membangun.

Katanya beliau secara peribadi telah melihat minat di kalangan orang Mongol dan Kyrgyz terhadap produk-produk Malaysia.

Selain daripada mendidik bakal-bakal pembeli mengenai minyak sawit dan produknya, katanya adalah juga penting bagi rakyat Malaysia mempelajari mengenai keadaan sesebuah negara yang mereka mahu memasarkan produk mereka.

Misalnya, katanya di Mongolia suhu pada bulan-bulan tertentu akan amat sejuk dan kadangkala minyak cair mungkin beku dan ini adalah salah satu daripada cabaran yang para pengeksport Malaysia perlu mengatasinya.

Di samping itu, katanya, walaupun terdapat penduduk yang kecil sebanyak 2.5 juta, Mongolia boleh menjadi tapak yang strategik bagi produk-produk Malaysia untuk menembusi pasaran berhampiran, seperti China dan Rusia.

Mengenai usaha oleh industri itu untuk menggalakkan minyak sawit dan produknya di Mongolia, Hishamuddin berkata Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) telah merancang untuk mengadakan satu program suai kenal minyak sawit di Mongolia tahun depan.

Mengenai lawatan beliau ke Kyrgyztan, katanya Kerajaan Kyrgyztan telah meminta Malaysia membantunya merumuskan satu pelan tindakan ekonomi bagi negara itu, termasuk mengenal pasti kelompok-kelompok perindustrian yang berpotensi untuk dimajukan.

Dr Byambaa Khuukhenkhuu, pengarah eksekutif Perbadanan Penyelidikan dan Pengeluaran Makanan "HUNSTECH" Mongolia, berkata penyertaannya beliau dalam program suai kenal itu adalah susulan kepada pemeteraian Memorandum Persefahaman di Mongolia baru-baru ini mengenai penggunaan minyak sawit antara HUNSTECH dan Kementerian Perusahaan Utama Malaysia.

Tambahnya orang Mongol telah mulai menggunakan minyak sawit (emas)

Malaysia yang diimport dari Singapura kerana ia adalah lebih murah dan sesuai untuk keluaran roti.

Mongolia, katanya, berminat mengimport minyak sawit mentah secara langsung dari Malaysia dan menapisnya sendiri. -- BERNAMA

MK OS/sia